



Keperluan Pembinaan Modul Kursus Pembangunan Keluarga Mesra OKU: Satu Sorotan Literatur

**Modul Mesra
OKU**

The Needs of Designing a People with Disabilities (PWD)-Friendly Module for the Family Development Course: A Literature Review

118

AZIZAH BINTI MOHD RAPINI, ZANARIAH BINTI DIMON,
NORA'INAN BINTI BAHARI, NAWAL BINTI SHOLEHUDDIN,
NUR DAYANA MOHD KHALIL (Corresponding Author)

Jabatan Undang-undang
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)
Bangi Selangor

azizah@kuis.edu.my, zanariah@kuis.edu.my,
norainan@kuis.edu.my nawal@kuis.edu.my,
21mt21005@student.kuis.edu.my

NURHIDAYAH BINTI HASHIM
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
nurhi923@uitm.edu.my

Submitted: 31 Ogos 2022
Revised: 13 September 2022
Accepted: 31 October 2022
E-Published: 31 October 2022

ABSTRAK

Amalan di Malaysia, pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga perlu menghadiri kursus pra perkahwinan sebagai persediaan ilmu sebelum memasuki gerbang perkahwinan di samping mengetahui hak dan tanggungjawab masing-masing. Walau bagaimanapun, golongan orang kurang upaya (OKU) diberi pengecualian daripada mengikuti kursus tersebut disebabkan limitasi keupayaan mereka, kemudahan pelaksanaan dan kaedah penyampaian. Kajian ini bertujuan untuk meneroka keperluan membina modul kursus pembangunan keluarga yang bersifat mesra OKU melalui sorotan-sorotan kajian terdahulu berkaitan kepentingan penyertaan OKU dalam kursus tersebut sama ada di peringkat pra atau pasca perkahwinan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui metod pengumpulan data perpustakaan dan analisis kandungan terhadap artikel-artikel berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa golongan OKU juga memerlukan pendedahan terhadap pengetahuan berkaitan perkahwinan, hak-hak berbangkit dalam perkahwinan, pengurusan konflik rumahtangga dan hukum-hukum fiqh berkaitan. Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada mana-mana pihak yang bertanggungjawab membangunkan modul kursus pembangunan keluarga mesra OKU supaya golongan tersebut mendapat pengetahuan yang sewajarnya melalui modul lebih sesuai dan komprehensif.





Kata kunci: Keperluan, Pembinaan, Modul, Kursus Pembangunan Keluarga, Mesra OKU

ABSTRACT

For a couple who decides to start a family, the practice in Malaysia is that they need to attend a pre-marriage course prior to tying the knot in order to equip themselves with knowledge about marriage and their rights and obligations. However, people with disabilities (PWD) are exempted from attending the course due to their limited ability and means on how the course are carried out. This study aims to explore the need to design a PWD-friendly module for the family development course by referring to the previous studies related to the the significance of PWD attending pre-marriage and post marriage course. This study is a qualitative research through library data collection and using content analysis method. The results of the study found that PWD also have to be exposed to the knowledge of marriage, the rights related to marriage, the management of domestic conflicts and the relevant Islamic jurisprudence. This study is expected to provide as a guideline to any institution who is responsible in developing a PWD-friendly module for the family development course with the aim that the group can gain adequate knowledge through a more proper and comprehensive module.

Keywords: Needs, Designing, Module, Family Development Course, PWD-Friendly

PENGENALAN

Orang kurang upaya (OKU) adalah sebahagian daripada ahli masyarakat yang mempunyai hak dan peluang hidup yang sama seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan dan perlindungan berasaskan hak harus digunakan untuk memastikan kepentingan dan kesejahteraan orang kurang upaya terpelihara. OKU ditakrifkan sebagai orang yang mengalami kecacatan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelek atau deria apabila berinteraksi dengan pelbagai kecacatan, mengehadkan penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (Akta Kurang Upaya 2008). Istilah OKU boleh digambarkan sebagai golongan yang memiliki ketidakupayaan atau kelemahan untuk melakukan kerja atau aktiviti kehidupan seharian yang biasa dilakukan oleh orang normal (Norsaadah, 2017). Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), takrif OKU ialah seseorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan hidup sosialnya, sebagai seorang individu yang normal, akibat dari kekurangan keadaan fizikal atau mental (Fara Iliana, 2019). Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menafsirkan OKU ini sebagai orang yang tidak mampu untuk memperoleh, secara keseluruhan atau sebahagian, keperluan biasa seorang individu dan yang tidak dapat hidup dalam masyarakat yang utuh disebabkan oleh kecacatan atau kondisi yang melemahkan, baik dari segi fizikal atau mental, atau dari segi perasaan yang terjadi sejak lahir atau selepas pada itu (Izzatul Najihah, 2020).

Secara umumnya OKU terdiri dari dua kategori utama iaitu OKU dari aspek hilang upaya kekal dan hilang upaya sementara. Kategori hilang upaya kekal ialah mereka yang memiliki kekurangan upaya secara fizikal sejak dilahirkan seperti cacat pendengaran, penglihatan, terencat akal dan termasuk juga dalam kategori ini ialah warga emas. Manakala OKU yang disebabkan oleh kesan kemalangan, kecederaan, kehamilan atau kesan dari menghidap sebarang penyakit diklasifikasikan sebagai hilang upaya sementara. Ringkasnya, tidak seperti orang biasa atau normal atau sihat, orang kurang upaya (OKU) boleh disifatkan sebagai sekumpulan orang yang mempunyai kekurangan dari aspek keupayaan fizikal mahu pun mental (Norsaadah, 2017).

Islam tidak pernah menyisihkan golongan OKU dalam sistem kehidupan manusia atau hak sebagai hamba Allah bahkan terdapat penegasan di dalam Al-Quran yang memberikan perhatian kepada golongan yang kurang upaya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Tidaklah menjadi salah kepada orang buta, dan tidaklah menjadi salah kepada orang tempang, dan tidaklah menjadi salah kepada orang sakit (tidak turut berperang, kerana masing-masing ada uzurnya). Dan (ingatlah), sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkanNya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; dan sesiapa yang berpaling ingkar, akan diseksaNya dengan azab yang tidak terperi sakitnya.

(Al-Fath, 48: 17)

Islam mengajarkan kita untuk saling bantu membantu dan bertanggungjawab dalam menuju kebaikan termasuklah membantu dan memelihara hak-hak golongan OKU. Dalam Sejarah zaman Rasulullah SAW telah membuktikan kepentingan bersikap menghormati golongan OKU termasuklah OKU dari segi fizikal mahupun mental dan setiap orang bertanggungjawab untuk membantu golongan OKU. Lihatlah ketika Rasulullah SAW sedang sibuk berdakwah kepada para bangsawan Quraisy, ketika Abdullah bin Umm Maktum datang untuk menanyakan beberapa pertanyaan kepada Rasulullah SAW, namun Rasulullah SAW telah memalingkan wajahnya dari Abdullah bin Umm Maktum. Allah SWT menegur Nabi SAW melalui sikapnya terhadap rangkaian Nabi SAW dalam Surah 'Abasa. Padahal, peringatan dari Allah ini menunjukkan bahwa kelompok OKU perlu dilayani dengan hati-hati dan hak-hak mereka dalam agama, ilmu pengetahuan, dan lain-lain tidak boleh dirampas. Khususnya berkaitan dengan hal kehidupan kerana mereka berhak untuk menjalani kehidupan seharian sebagaimana golongan tipikal dan berhak untuk hidup secara adil (Nur Fadliana Che Di, 2015).

Salah satu hak kehidupan OKU ialah untuk mendirikan rumahtangga dan hidup berkeluarga seperti pasangan normal yang lain. Oleh yang demikian golongan OKU perlu mendapat pendedahan terhadap ilmu pengetahuan berkaitan pembangunan kekeluargaan di samping memenuhi tuntutan fitrah manusia sebagaimana ditegaskan di dalam al-Quran melalui firman Allah S.W.T yang bermaksud:



Dan di antara tanda-tanda (kebesarannya) ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari jenismu sendiri, agar kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan Dia menjadikan di antaramu rasa kasih dan sayang. Sungguh, pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir.

(Ar- Rum, 30: 21)

Usaha untuk merealisasikan perkahwinan dan pembangunan sistem kekeluargaan Islam yang kukuh telah diambil oleh Jabatan Agama Islam negeri di Malaysia dengan menganjurkan kursus pra perkahwinan mengikut Modul Kursus Pra Perkahwinan Bersepadu yang telah digubal dan diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kursus pasca perkahwinan juga dianjurkan berdasarkan modul yang disediakan oleh pihak yang sama iaitu JAKIM. Walau bagaimanapun kedua-dua jenis kursus tersebut berbeza dari segi pelaksanaannya iaitu kursus pra perkahwinan yang diwajibkan kepada semua bakal suami isteri yang berhasrat mendirikan rumahtangga (Syarifah Syukriah Tun Habib, 2003), kecuali mereka yang pernah berkahwin, telah berumur 45 tahun ke atas bagi lelaki dan 40 tahun ke atas bagi perempuan, warganegara asing serta golongan OKU. Kursus pasca perkahwinan lebih bersifat pilihan dan dianjurkan mengikut permohonan pihak-pihak tertentu. Penganjuran kursus-kursus sebegini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk membekalkan individu Muslim dengan ilmu kekeluargaan (Juraimi, 1999) dan perkara-perkara berkaitan tatacara perkahwinan serta hak-hak perundangan sebelum, semasa dan selepas berkahwin. Kursus ini juga diwujudkan sebagai tindak balas kepada masalah perceraian yang sering meningkat dari tahun ke tahun. Affizal Ahmad (2008) menyatakan tiga kepentingan terhadap ilmu perkahwinan iaitu dapat mengurangkan kadar perceraian kerana pasangan tersebut mempunyai persefahaman yang tinggi untuk hidup bersama yang sesuai dengan keadaan semasa. Kajian juga menunjukkan pasangan yang mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan perkahwinan akan mempunyai peluang jangka hayat yang panjang disebabkan kemampuan mereka mewujudkan suasana hubungan yang harmoni tanpa tekanan atau beban yang berpanjangan (Affizal Ahmad, 2008).

Justeru, golongan OKU dilihat sebagai golongan yang tetap memerlukan pengetahuan berkaitan perkahwinan sebelum mereka mendirikan rumahtangga untuk membentuk sebuah keluarga. Justeru itu, kajian sorotan literatur keperluan modul kursus pembangunan keluarga mesra OKU diperlukan bagi meneliti kajian-kajian yang melibatkan kursus pra perkahwinan termasuklah kajian-kajian berkaitan dengan keperluan OKU dalam ilmu perkahwinan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif melibatkan analisis kandungan terhadap dokumen-dokumen bersifat primer dan sekunder terdiri dari jurnal dan artikel. Dokumen-dokumen tersebut akan diteliti, dinilai bagi melengkapkan data kajian



sebelum membuat rumusan dan dapatan bagi mengenalpasti sebarang kelompokangan di antara hasil kajian tersebut.

TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur berkaitan dengan kursus pembangunan keluarga dan keperluan golongan OKU terhadap ilmu perkahwinan amat penting dalam mengenalpasti keperluan membangunkan sebuah modul kursus pembangunan keluarga Islam bagi OKU dalam membentuk sebuah keluarga yang harmoni.

MODUL PRA PERKAHWINAN DI MALAYSIA

Kepentingan Pembangunan Modul

Kajian Aizan Sofia Amin et al. (2016) membuktikan bahawa golongan OKU juga memerlukan kehidupan berkeluarga yang lebih harmoni seperti masyarakat biasa. Hal ini kerana kajian tersebut menunjukkan bahawa keluarga memainkan peranan utama dalam menjaga anak OKU. Sekiranya sesebuah keluarga itu sendiri gagal membentuk sebuah keluarga yang sejahtera secara tidak langsung memberi kesan buruk kepada anak OKU tersebut. Oleh yang demikian, pembinaan atau pembangunan modul adalah sangat perlu sebagai asas dan panduan sebarang bentuk aktiviti pengajaran supaya lebih fokus dan berkesan. Ia juga merupakan satu proses penyelarasan dan penyeragaman untuk sebarang aktiviti yang sama supaya objektif pengajaran boleh dicapai.

Modul Pra Perkahwinan Islam di Malaysia

Kajian Badriyah Ali et al. (2020) menjelaskan bahawa modul pembangunan keluarga yang sedia ada telah merangkumi elemen maqasid Syariah. Sebagai contoh, bab akidah dan ibadah adalah salah satu faktor dalam mengekalkan perkahwinan seseorang dan mewujudkan sahsiah individu yang cemerlang. Selain itu, boleh memberikan mereka kehidupan yang lebih baik dan bahagia di samping memelihara agama itu sendiri. Elemen maqasid syariah dalam modul tersebut boleh membantu peserta kursus memahami objektif sesebuah perkahwinan dalam membentuk institusi keluarga selari dengan kehendak Islam yang sangat mementingkan aspek keharmonian dan kehormatan. Justeru, calon yang mengikuti kursus pra perkahwinan ini dapat membina persefahaman dalam kalangan ahli keluarga dengan baik dan berkesan berbanding mereka tidak menghadiri kursus pra perkahwinan seterusnya dapat mengekalkan hubungan dalam perkahwinan. Seiring dengan kajian Habib Ihtiar (2020) yang merumuskan bahawa modul pra perkahwinan merupakan instrumen bagi pasangan yang ingin berkahwin yang selari dengan prinsip maqasid syariah yang mementingkan aspek menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Walau bagaimanapun kajian-kajian yang sedia ada hanya memfokuskan kepada aplikasi maqasid syariah dalam modul pra perkahwinan tanpa menjelaskan aspek-aspek lain seperti keperluan penambahbaikan modul pra perkahwinan seiring dengan peredaran masa.

Pelaksanaan Modul Pra Perkahwinan Islam di Malaysia

Nizaita Omar et al. (2018) menjelaskan dalam kajiannya bahawa bentuk dan kandungan modul kursus pra perkahwinan sedia ada telah ditambah baik dari masa ke semasa bermula versi pertama pada tahun 1996 sehingga wujud versi yang ketiga pada tahun 2013. Kaedah penyampaian juga lebih interaktif dan berinovasi dengan elemen teknologi iaitu penyediaan video bagi setiap tajuk. Kajian Nurhayati Abdul Ghani et al (2021) merumuskan bahawa modul kursus perkahwinan yang sedia ada hanya membincangkan tajuk perancangan kewangan sahaja di bahagian ke enam (tajuk 6) modul dan tidak menyentuh berkaitan perancangan harta. Pasangan yang kurang pengetahuan berkaitan perancangan dan pengurusan harta akan berisiko menghadapi masalah besar terutama jika berlaku perceraian, kematian atau kemalangan untuk mengenalpasti hak atau tuntutan-tuntutan yang boleh berbangkit. Kajian-kajian di atas lebih menfokuskan kepada pelaksanaan dan kerelevanan isi kandungan modul sedia ada. Tidak banyak kajian yang dibuat tentang kaedah penyampaian atau teknik pengajaran isi kandungan modul kursus pra dan pasca perkahwinan terutama untuk dilaksanakan dalam kalangan golongan OKU. Walau bagaimanapun, tiada lagi kajian yang menjelaskan kaedah khusus atau prosedur dalam melaksanakan kursus modul pra perkahwinan terhadap bakal pengantin yang bakal berkahwin.

Keberkesanan Modul Pra Perkahwinan Islam

Rafeah Saidon et al. (2016) membuktikan dalam kajiannya bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam tadbir urus kursus pra perkahwinan di Malaysia antaranya ialah pengecualian daripada menghadiri kursus dan pengecualian tersebut berbeza mengikut negeri. Di Selangor misalnya, pengecualian diberikan kepada penceraian atau duda yang berumur 40 tahun ke atas, dan OKU seperti pekak, buta dan bisu. Selain itu, negeri Selangor tidak mewajibkan menghadiri kursus kepada warga asing yang tidak memahami bahasa Melayu dan juga kepada mereka yang dikecualikan oleh Pendaftar. Kajian tersebut juga merumuskan bahawa kursus pra perkahwinan ini juga memerlukan suatu undang-undang berkanun yang mewajibkan setiap pasangan yang bakal berkahwin mengikuti kursus tersebut supaya pihak atau pasangan boleh memberikan jawapan yang realistik jika ditanya oleh mahkamah syariah dalam sebarang permohonan. Walau bagaimanapun, tiada kajian yang mencadangkan penambahbaikan terhadap kelemahan dari sudut kelemahan tadbir urus kursus pra perkahwinan dan kepentingan mewujudkan undang-undang berkanun mengenai kewajipan menyertai kursus pra perkahwinan bagi pasangan yang bakal berkahwin.

HAK OKU DALAM PERKAHWINAN DAN PEMBANGUNAN KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA

Sistem Bantuan OKU di Malaysia dan Isu-isu Berkaitan

Kajian Siti Muhibah dan Zetty Nurzuliana (2020) menyatakan bahawa keperluan golongan OKU adalah berbeza mengikut kategori dalam menggunakan prasarana di tempat-tempat awam dan tidak semua prasarana yang dibina mesra OKU kerana

terdapat cabaran dalam membina prasarana tersebut seperti kesedaran masyarakat, kerjasama dari kerajaan dan sebagainya. Menurut Abdul Munir et al (2015) merumuskan dalam kajiannya berkaitan prasana di masjid-masjid yang cakna dengan keperluan OKU ialah di masjid daerah Betang Padang ialah Masjid Sultan Azlan Shah UPSI dan Masjid al- Hidayah kerana masjid-masjid tersebut mempunyai reka bentuk yang menarik serta dilengkapi dengan kemudahan yang bersesuaian seperti tempat mengambil wudu' yang mesra OKU dan laluan khas untuk OKU.

Berdasarkan kajian Izuli Dzulkifli et al. (2020) menyatakan bahawa komunikasi dalam menyampaikan pelajaran Pendidikan Islam kepada murid-murid OKU adalah tidak selaras dan kurang kod atau tanda yang betul dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan guru juga kurang mahir dalam menggunakan bahasa isyarat dalam menyampaikan pelajaran. Adib Salih et al. (2017) dalam kajiannya membuktikan bahawa cabaran pendakwah terhadap golongan OKU penglihatan dalam proses menyampaikan dakwah kepada golongan OKU adalah kerana kurangnya bahan rujukan dalam bidang Al-Quran dalam versi tulisan braille, kekurangan pendakwah yang dapat menyentuh hati OKU penglihatan kerana kurang mahir dalam gaya dan kaedah komunikasi berkesan dengan penggunaan ayat yang sesuai kerana OKU penglihatan tidak boleh melihat dan lebih banyak menggunakan deria pendengaran dan tiada modul khusus pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk golongan OKU mengikut kategori yang berbeza. Sebagai contoh, perbezaan mereka mengerjakan ibadah bagi golongan OKU fizikal tidak dibincangkan dalam modul.

Hazlin Falina et al. (2016) dalam kajiannya menjelaskan bahawa tahap kesedaran yang rendah di kalangan masyarakat tentang permasalahan golongan OKU disebabkan kurangnya pendedahan maklumat dalam media massa. Kurangnya pengetahuan masyarakat hak kesamarataan, dikenal pasti sebagai suatu halangan kepada golongan OKU untuk terlibat secara penuh di dalam masyarakat. Semua pihak perlu berkerjasama agar tidak membuat pandangan yang prejudis kepada golongan OKU daripada setiap sudut. Norsaadah et al. (2019) menerangkan dalam kajiannya berkenaan dengan hubungan sosial masyarakat terhadap golongan OKU iaitu beberapa bentuk layanan yang diterima oleh golongan OKU seperti persepsi masyarakat terhadap golongan OKU, bentuk keprihatinan masyarakat kepada golongan OKU seperti bantuan-bantuan khusus yang disalurkan kepada golongan OKU dan sikap positif terhadap OKU membawa masyarakat untuk menerima golongan OKU secara baik. Penglibatan masyarakat dengan golongan OKU dalam sesebuah aktiviti dapat mengeratkan hubungan dan melahirkan sikap keprihatinan terhadap golongan ini.

Berdasarkan kajian Yusri Chek et al. (2016) mendapati bahawa Darul Quran sebagai sebuah pusat pengajian al-Quran tersohor di Malaysia sememangnya telah memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan penyelidikan berkaitan OKU penglihatan khususnya Al-Quran Braille. Ia termasuk perkongsian ilmu profesional dengan institusi luar, penyediaan program pengajian, pemantapan penyelidikan melalui program pengajian dengan institusi pengajian tinggi lain, mempergiatkan dan memperkasakan penyelidikan berkaitan al-Quran Braille, dan sumbangan melalui



graduan alumni Darul Quran. Menurut kajian Ummu Alias et al. (2019) menjelaskan banyak kaedah khusus pembelajaran telah diperkenalkan untuk membantu golongan OKU pendengaran membaca al-Quran. Namun, tidak kira sama ada di peringkat kerajaan atau bukan kerajaan, kaedah bacaan al-Quran tidak dilaksanakan secara konsisten kerana kepelbagaian kaedah ini menyebabkan golongan kurang upaya pendengaran mengalami kekeliruan apabila mereka belajar ke peringkat seterusnya, kerana cara pembelajaran al-Quran yang berbeza. Azman Ab Rahman et al. (2021) menyatakan dalam kajiannya, kaedah penentuan teknologi khusus yang sesuai sebelum memulakan PdP dengan OKU Masalah Pembelajaran merupakan kaedah utama PdP pendidikan Islam semasa COVID-19 ialah secara dalam talian. Menurut kajian ini juga, cabaran utama pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam pelajar OKU Masalah Pembelajaran ialah isu berkaitan kemudahan teknikal, komitmen pelajar dan ibu bapa, kemahiran dan kepakaran guru serta implikasi pelaksanaan pelaksanaan Perintah Kawalan (PKP) oleh kerajaan Malaysia terhadap proses PdP golongan OKU pembelajaran.

Dalam kajian Ahmad Yunus dan Tengku Intan Zarina (2014) mendapati bahawa keperluan Hadith Braille adalah sangat tinggi dalam sistem pendidikan khas walaupun ia merupakan satu cabaran yang besar tetapi mampu merentasi semua peringkat termasuk golongan OKU bagi memupuk perpaduan dan meningkatkan penghayatan terhadap agama Islam dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Menurut kajian Naimie Nawawi et al. (2020) membuktikan bahawa penggunaan bahasa isyarat sangat diperlukan bagi golongan OKU pendengaran bagi memudahkan komunikasi OKU dalam melengkapkan hubungan sosial seharian mereka. Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang sedia tidak menyentuh berkenaan prasarana yang diperlukan golongan OKU bagi mendapatkan ilmu perkahwinan dan bentuk komunikasi yang sesuai bagi menyampaikan ilmu perkahwinan mengikut kategori OKU yang berbeza.

Polisi dan Undang-undang Berkaitan OKU

Berdasarkan kajian Ikmal Hisham & Khairil Azmin (2014) membuktikan bahawa golongan OKU mempunyai hak untuk hidup dan konsep tersebut telah diterangkan dengan terperinci dalam mekanisme undang-undang antarabangsa dan domestik. Akta OKU 2008 juga telah menegaskan bahawa hak untuk hidup OKU juga meliputi pelbagai aspek termasuk pekerjaan, struktur bangunan, kesihatan, kebudayaan, perumahan, rehabilitasi dan sokongan masyarakat. Norita Azmi dan Salawati (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* (CRPD) telah memberikan hak hidup untuk golongan OKU daripada tiga perspektif meliputi dalam aspek situasi berisiko, bantuan kemanusiaan, kehidupan bermasyarakat dan penjagaan maruah serta penglibatan golongan OKU dalam parti politik atau pertubuhan lain. Akta OKU 2008 juga telah menegaskan bahawa hak untuk hidup OKU juga meliputi pelbagai aspek termasuk pekerjaan, bangunan, kesihatan, kebudayaan, perumahan, rehabilitasi dan sokongan masyarakat. Titi antarabangsa turut memainkan peranan penting untuk mempengaruhi penggubalan akta domestik selaras dengan Malaysia sebagai negara ahli bagi CRPD. Isu kesamarataan hak dalam golongan OKU sesuai dengan Konvensyen PBB terhadap hak-hak Orang Kurang Upaya

(OKU) tahun 2008 dan ratifikasi konvensyen oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2010 diharapkan dapat meningkatkan kualiti kehidupan golongan OKU di negara ini seiring dengan perkembangan Malaysia.

Manakala, menurut Zulazhar Tahir et al. (2020) menjelaskan berkenaan perkembangan perundangan di Malaysia berkaitan golongan OKU. Kewujudan Akta Orang Kurang Upaya 2008 dilihat seperti tidak berfungsi walaupun memperuntukkan pelbagai hak kepada golongan OKU tetapi masih mempunyai kelemahan dalam penguatkuasaan dan kekurangan dari segi infrastruktur bersifat mesra OKU walaupun hak kepada akses tersebut telah diperuntukkan dalam seksyen 26 Akta 2008. Malah hak golongan OKU untuk mendapatkan akses bagi pendidikan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 28 Akta 2008 juga terjejas seperti yang dinyatakan dalam kajian-kajian lepas. Perkara ini boleh dilihat dengan pengecualian golongan OKU dalam mendapatkan ilmu perkahwinan bagi membina sebuah keluarga yang bahagia. Hirwan Jasbir et al. (2016) dalam kajiannya telah menjelaskan bahawa hak golongan OKU untuk bekerja telah dijelaskan secara umum di dalam Perlembagaan Persekutuan dan secara khusus di bawah Akta OKU 2008. Dengan kewujudan peruntukan di bawah Akta OKU 2008 menjadikan bukan masyarakat normal sahaja yang berhak untuk bekerja akan tetapi golongan OKU juga berhak untuk mendapat pekerjaan. Peruntukan-peruntukan tersebut tidak bermakna sekiranya tiada penguatkuasaan dari pihak yang berautoriti bagi memastikan hak golongan OKU dalam pekerjaan. Walaupun terdapat undang-undang berkenaan hak golongan OKU untuk mendapat akses berkaitan dengan pendidikan, tiada lagi kajian yang menyentuh kepentingan golongan OKU untuk mendapatkan pendidikan berkaitan dengan perkahwinan sedangkan pendidikan perkahwinan juga merupakan bentuk ilmu yang perlu diketahui atau dipelajari oleh golongan tersebut.

Hak OKU Menurut Hukum Islam

Dalam kajian Nadia Nozlan et al. (2021) menjelaskan bahawa Islam juga mengiktiraf kedudukan OKU. Allah berfirman dalam surah Al-Hujarat [49:13] yang bermaksud "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)". Ayat ini memberi maksud bahawa undang-undang Islam tidak membezakan kedudukan manusia berdasarkan jantina, suku, warna kulit dan sebagainya. Setiap manusia adalah sama dan manfaat atau kelebihan dari satu individu ke individu yang lain hanya dapat dilihat pada nilai yang paling mulia dan soleh di antara mereka. Oleh itu, Islam tidak bertoleransi terhadap sebarang bentuk diskriminasi sesama manusia tidak kira apa pun latar belakang dan bentuk fizikal atau rupa paras. Azman Abdul Rahman et al. (2018) juga merumuskan bahawa Islam mengiktiraf hak dan kewajipan golongan OKU sama seperti golongan lain yang normal sebagai orang yang mukallaf dalam soal obligasi agama. Beliau turut merumuskan

bahawa hak perundangan golongan OKU perlu diberi perhatian agar nasib golongan ini terbela, lebih-lebih di dalam masyarakat Islam yang menganggap mereka sebagai salah satu dari batu asas dalam pembinaan masyarakat yang baik. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas tidak menjelaskan hak yang sepatutnya diberikan kepada golongan OKU secara lebih terperinci terutama dari aspek substantif dan teknikal seperti kemudahan hukum mengikut kategori OKU. Kajian-kajian tersebut hanya merumuskan bahawa hak golongan OKU tidak boleh diabaikan.

Hak OKU dalam Perkahwinan Islam

Zuliza Kusrin dan Syaidatul Akmar (2020) merumuskan dalam kajiannya bahawa golongan OKU kurang mengetahui berkenaan dengan hak dan tanggungjawab mereka dalam perkahwinan kerana mereka dikecualikan daripada mengikuti kursus perkahwinan. Ini sekaligus menunjukkan bahawa hak mereka untuk mendapatkan ilmu dan maklumat berkaitan rumahtangga dan kekeluargaan Islam tidak dilihat sebagai signifikan sehingga mereka dikecualikan daripada mengikuti sebarang program kursus pra perkahwinan disebabkan kekurangan keupayaan fizikal. Dalam kajian Azman Ab Rahman et al. (2018) menjelaskan bahawa hak OKU dalam perkahwinan tidak boleh diabaikan kerana mereka juga sebahagian daripada masyarakat dan berperanan mewujudkan masyarakat yang harmoni. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas tidak memperincikan hak-hak golongan OKU secara lebih mendalam mengikut kategori.

Permasalahan Berkaitan Perkahwinan OKU di Malaysia

Berdasarkan kajian Azman Ab Rahman et al. (2020) merumuskan bahawa terdapat lima isu berkaitan akad nikah, cerai, taklik dan rujuk yang mempunyai hukum tersendiri berkaitan OKU pendengaran. Setiap isu hukum fiqh berkaitan OKU memberikan kesan yang besar kepada golongan OKU pendengaran sekiranya tidak dijelaskan dengan betul lebih-lebih lagi berkaitan dengan hukum fiqh munakahat atau fiqh perkahwinan. Hal ini kerana kurang perbincangan berkenaan OKU pendengaran terutamanya berkaitan hal perkahwinan. Sebelum pada itu dalam kajian Azman Ab Rahman et al. (2018) menyatakan bahawa terdapat beberapa isu perkahwinan yang dihadapi oleh golongan OKU yang perlu diberikan perhatian seperti kelonggaran hukum atau rukhsah, tatacara dan syarat-syarat khusus yang telah ditetapkan oleh syarak kepada golongan OKU seperti dalam bab akad nikah. Golongan OKU juga perlu memahami hukum hakam perkahwinan dan penceraian dalam memastikan rumah tangga yang dibina. Raihanah Abdullah et al. (2017) dalam kajiannya menjelaskan bahawa pembubaran perkahwinan secara fasakh boleh dituntut oleh mana-mana pasangan apabila wujud kecacatan di pihak pasangannya yang boleh menjejaskan kestabilan rumahtangga dan mengundang kemudaratan tetapi sekiranya kecacatan tersebut tidak membawa sebarang kemudaratan seperti kecacatan pendengaran maka tuntutan fasakh atau pembubaran perkahwinan tidak perlu dilakukan. Kajian-kajian lepas nampaknya lebih cenderung menfokuskan kajian berkaitan OKU pendengaran sahaja, manakala kajian bagi kategori OKU yang lain agak kurang aktif.

Kes-kes Mahkamah Syariah melibatkan OKU

Kajian Afiqah Mustapa et al. (2021) telah menjelaskan faktor-faktor pembubaran perkahwinan antara pasangan OKU pendengaran yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Hasil kajian menunjukkan terdapat enam faktor yang menyebabkan pasangan OKU pendengaran membubarkan perkahwinan iaitu masalah komunikasi, kurang pendedahan perundangan Islam, campur tangan ahli keluarga, kursus pra perkahwinan tidak sesuai, tiada kursus semasa tempoh perkahwinan dan tiada kursus pasca perkahwinan. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyentuh faktor-faktor penceraian yang berlaku di kalangan OKU selain OKU pendengaran dan tidak mencadangkan penyelesaian yang boleh dilakukan supaya perkara tersebut dapat dibendung.

KEPERLUAN OKU TERHADAP MODUL KPK

Pembangunan Keluarga OKU

Kajian Yusmini Yusoff dan Azura Awang (2019) menjelaskan nilai-nilai islam yang perlu diterapkan dalam pembangunan diri golongan OKU. Antara nilai-nilai Islam yang perlu ditekankan ialah akidah, ibadah dan akhlak. Akidah memfokuskan nilai-nilai keimanan yang berpaksikan tauhid dan pengesaan kepada Allah SWT. Pelaksanaan ibadah kepada OKU melambangkan kefahaman dan kepatuhan kepada ajaran Islam dan penumpuan terhadap pendidikan akhlak juga penting kepada golongan OKU. Terdapat lima aspek yang perlu dititikberatkan dalam membentuk akhlak iaitu akhlak dalam kehidupan, akhlak bersosial atau berinteraksi dengan manusia, akhlak ketika menunaikan ibadah, akhlak dalam menuntut ilmu dan akhlak terhadap Allah SWT dan Rasulullah SAW. Bagi menerapkan nilai-nilai tersebut semua pihak perlu menjalankan peranan masing-masing termasuklah para guru, agensi kerajaan dan masyarakat setempat. Aizan Sofia Amin et al. (2016) menyatakan keluarga terutama ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membantu kanak-kanak kurang upaya kerana bantuan kebajikan dari pihak kerajaan tidak semestinya mencukupi atau memenuhi semua keperluan mereka terutama dalam kes kanak-kanak OKU yang tinggal agak jauh. Justeru itu, menyebabkan konflik keluarga timbul akibat daripada ketidakupayaan, persaingan adik beradik dan bebanan emosi dalam keluarga. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas tidak menjelaskan kepentingan pembangunan keluarga OKU dan keperluan yang diperlukan untuk membangunkan sebuah keluarga OKU yang harmoni.

Penyertaan OKU Dalam Kursus Pra Perkahwinan

Zuliza Kusrin dan Syaidatul Akmar (2020) menjelaskan dalam kajiannya bahawa golongan OKU dikecualikan daripada mengikuti kursus pra perkahwinan dan menyebabkan golongan OKU ketinggalan daripada mengetahui hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan. Terdapat sebahagian ibubapa yang prihatin terhadap masa depan anak mereka, terutama dalam soal kehidupan berumah tangga, menyebabkan mereka mengambil inisiatif sendiri dengan

menghantar anak mereka yang cacat pendengaran menyertai kursus pra perkahwinan Islam. Lazimnya para ibubapa yang berkemampuan akan memohon perkhidmatan jurubahasa untuk menterjemah ceramah yang disampaikan sepanjang kursus berlangsung. Walau bagaimanapun, bayaran untuk khidmat jurubahasa perlu ditanggung oleh para peserta OKU pendengaran kerana kos tersebut tidak termasuk dalam kos penganjuran kursus. Bagi mengatasi masalah tersebut, bebanan kewangan tersebut telah dikenakan ke atas golongan peserta OKU pendengaran dengan menambahkan yuran penyertaan yang meliputi bayaran menyertai kursus dan menggunakan khidmat jurubahasa. Terdapat juga keadaan apabila ibubapa golongan OKU pendengaran yang tidak berkemampuan hanya meletakkan anak mereka sebaris dengan golongan tipikal tanpa mengetahui atau memahami keperluan dan kefahaman anak tersebut. Perwatakan OKU pendengaran yang sukar dikesan kerana susuk mereka yang sama normal seperti yang lain menyulitkan sesetengah pihak, terutama penceramah untuk mengenalpasti samada peserta yang hadir ketika itu memahami inisipat ceramah tau tidak. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyentuh penyertaan golongan OKU selain daripada golongan OKU pendengaran.

Pendekatan Kursus Pra Perkahwinan Islam Sedia Ada

Zuliza Kusrin dan Syaidatul Akmar (2020) sekali lagi dalam kajian mereka menyatakan bahawa kursus pra perkahwinan di Malaysia menggunakan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan (MBKPPI) yang dibukukan dengan tajuk 'Memasuki Gerbang Perkahwinan'. Buku tersebut mempunyai tiga bahagian iaitu bahagian pertama mengenai Asas Pembinaan Insan, bahagian kedua tentang Pengurusan Keluarga dan bahagian tiga berkaitan Pengurusan Masalah dalam Keluarga. Kursus tersebut dianjurkan oleh Pihak Pejabat Agama Islam Daerah dan Bahagian Perundangan Keluarga, Jabatan Agama Islam negeri masing-masing. Ia wajib disertai oleh bakal pengantin lelaki dan perempuan yang berhasrat mendirikan rumahtangga. Oleh itu sijil menghadiri kursus pra perkahwinan menjadi prasyarat dokumen yang perlu dilampirkan oleh bakal pengantin semasa membuat permohonan. Kajian Nizaita Omar et al. (2018) menjelaskan prosedur mengikuti kursus pra perkahwinan Islam yang sedia ada bagi golongan normal. Masyarakat khususnya pasangan yang akan melangsungkan perkahwinan perlulah mengambil berat tentang Kursus Pra Perkahwinan dan sentiasa mendapatkan maklumat serta ilmu yang berkaitan pengurusan rumahtangga agar tuntutan keluarga muslim itu dapat dipenuhi dengan baik. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kursus pra perkahwinan yang sedia ada tidak menggambarkan penyertaan menyeluruh golongan OKU dalam kursus pra perkahwinan.

Keperluan OKU Terhadap Modul KPK

Berdasarkan kajian Afiqah Mustapa et al. (2021) menunjukkan bahawa antara faktor perceraian di kalangan OKU pendengaran ialah pengendalian kursus pra perkahwinan yang kurang sesuai dengan golongan OKU dan ketiadaan penyertaan mereka dalam kursus tersebut menyebabkan golongan OKU pendengaran kurang memahami



terhadap ilmu rumah tangga. Sekali lagi Zuliza Kusrin dan Syaidatul Akmar (2020) merumuskan bahawa antara cabaran pelaksanaan kursus pra perkahwinan Islam bagi golongan OKU pendengaran antaranya ialah metod penyampaian ceramah berdasarkan kaedah golongan tipikal. Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang telah ada hanya menunjukkan keperluan golongan OKU pendengaran terhadap modul KPK sahaja.

KESIMPULAN

Berdasarkan sorotan kajian yang dijalankan, Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) yang diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dilihat sebagai modul yang menyeluruh melalui isi kandungan dan susunan topik yang memenuhi keperluan asas pengetahuan dalam rumah tangga. Walau bagaimanapun, ia masih dilihat sebagai masih belum memenuhi keperluan golongan OKU termasuklah golongan OKU penglihatan, pendengaran dan percakapan kerana ketiga-tiga kategori OKU tersebut masing-masing mempunyai keperluan dan permasalahan yang berbeza. Oleh yang demikian, kajian ini merumuskan wujud keperluan untuk membangunkan sebuah modul kursus pembangunan keluarga mesra OKU supaya dapat memberi pendedahan mengenai pendidikan perkahwinan kepada setiap kategori golongan OKU yang ingin berumahtangga terutama tiga kategori OKU yang utama iaitu OKU pendengaran, OKU pertuturan dan OKU penglihatan.

PERHARGAAN

Pihak kumpulan penyelidik kajian ini ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementarian Pengajian Tinggi di atas anugerah Geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) bagi tahun 2021 hingga 2023 yang diberikan dan penajaan sumber kewangan kepada kajian kami bertajuk Pembinaan Modul Kursus Pembangunan Keluarga Mesra Oku Sebagai Sistem Sokongan Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Islam (FRGS/1/2021/SSI0/KUIS/02/4). Semoga sokongan dan penajaan yang diamanahkan dapat memberikan impak yang besar kepada sistem sosial negara terutama dari aspek kestabilan institusi kekeluargaan sama ada dalam kalangan golongan tipikal normal mahu pun golongan OKU.

RUJUKAN

- Abdul Munir, Mazdi Marzuki, Noor Daud & Abdul Hadi. 2015. Penyediaan Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid-masjid: Kajian Kes di Masjid-Masjid Daerah Batang Padang. *Al-Hikmah*. 7(1), 62-78.
- Adib Salih, Intan Darhana & Zulkefli Aini. 2017. *Realiti Cabaran Pendakwah Terhadap Orang Kelainan Upaya Penglihatan*. Conference International Insan. 1-9.
- Afiqah Mustapa, Zaini Nasohah & Zuliza Kusrin. 2021. Faktor Pembubaran Perkahwinan di antara Pasangan OKU Pendengaran Di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol 5, 51-60.



- Affizal Ahmad. 2008. Kepentingan pendidikan dalam pembentukan kualiti hidup sejahtera. *Malaysian Education Dean's Council Journal*. 2, 1–8. <https://doi.org/https://dx.doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Ahmad Yunus & Tengku Intan Zarina. 2014. Keperluan Hadis Braille Dalam Pendidikan Khas: Satu Cabaran Terhadap Pengajian Islam. *Conference: Seminar Antarabangsa Warisan Nabawi (SWAN 2014)*. 1-12.
- Aizan Sofia Amin, Jamiah Manap & Noremy Akhir. 2016. Peranan Keluarga dalam Kehidupan Kanak-Kanak Kurang Upaya Malaysia. *Akademika*. 86(1), 21-30.
- Azman Ab Rahman, Amzan Satiman, Hussein Thaidi & Firdaus Ab Rahman. 2018. *Isu Fiqh Munakahat Golongan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Hukum*. 4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, 159-170.
- Azman Ab Rahman, Norfatimah Ghani, Anwar Zakaria & Mursyid Junaidi. 2020. Munakahat Issues among People with Hearing Disability. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 4 (1), 1-10.
- Azman Ab Rahman, Syed Salim, Nadia Nozlan, Faiz Shakor & Afaf Sukari. 2021. Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol 5, 127-138.
- Badriyah Ali et al. 2020. Maqasid Shariah in Family Institutions: Analysis of the Prenuptial Course Module in Malaysia. *Jurnal Pemikiran Hukum Islam*. Vol 19, No 2, 247-280.
- Farah Ilyana. 2019. *Tahap Kepuasan Pelajar OKU Terhadap Pengurusan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Habib Ihtiar. 2020. Membaca Maqashid Syari'ah Dalam Program Bimbingan Perkawinan. *Jurnal Ahkam*. Volume 8, Nombor 2, 233-258.
- Hassan Hushin & Maznah Che Don. 2017. *Pembinaan Modul Program Pembangunan Akademik Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. UTM. 1-5.
- Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah, & Maizatul Haizan. 2016. Peranan Media Sebagai Alat Kesedaran Sosial Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. Jilid 32 (2), 471-488.
- Hirwan Jasbir, Harlida Wahab & Nurli Yaacob. 2016. Undang-Undang di Malaysia dan Jaminan Hak Orang Kurang Upaya untuk Bekerja. *Jurnal Pembangunan Sosial*. Jilid 19 Bil 3, 57-68.



- Ikmal Hisham & Khairil Azmin. 2018. Konsep Hak Asasi Manusia Bagi Orang Kurang Upaya Di Malaysia: Suatu Analisis. *Kanun*. 109-136.
- Izzatul Najihah & Farhah Zaidar. 2020. *Orang Kurang Upaya (OKU) Menurut Perspektif Al-Quran dan Hadis*. International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2020. 33-40.
- Izhar Ariff & Sharif Tahir. 2015. Modul Penentuan Hukum Makanan Ubah Suai Genetik (GMF) dan Kepentingannya di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*. Jilid 2, 133-145.
- Izuli Dzulkifli, Asmawati, Fathiyah & Aniza Ahmad. 2020. Cabaran Komunikasi dalam Pengajaran Pendidikan Islam kepada Murid Kurang Upaya Pendengaran. *International Journal of Islamic Thought*. Vol 18. 14-26.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2008. *Memasuki Gerbang Perkahwinan*. Edisi Kedua. Putrajaya.
- Juraimi. 1999. *Kursus Pra Perkahwinan: Satu Kajian Tentang Prosedur Dan Kaedah Yang Digunakan Di Negeri Selangor Darul Ehsan*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Adib Mohamad Salih, Intan Farhana & Zulkefli Aini. 2017. Realiti Cabaran Pendakwah Terhadap Orang Kelainan Upaya Penglihatan. *Conference International Insan*. 1-9.
- Mohd Nur Adzam, Norakyairee Raus & Hafiz Halim. 2021. *Emansipasi Ketidakupayaan Menurut Quran*. Proceeding SWAT. 873-888.
- Nadia Nozlan, Azman Rahman & Hasnizam Hashim. 2021. *Penerapan Prinsip Matlamat Pembangunan Mampan (Sdgs) Dalam Memenuhi Hak-Hak Orang Kurang Upaya (Oku) Menurut Perundangan Malaysia*. Prosiding SALS. 118-129.
- Naimie Nawawi, Khairul Amri, Fuad Jali & Syaiful Nizam. 2020. Penilaian Analisis Keperluan kepada Penggunaan Bahasa Isyarat bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Masalah Pendengaran. *Akademika*. 90 (Isu Khas 1). 51-61.
- Nizaita Omar, Siti Murdiah, Rahimah Embong, Ruzaini Sulaiman & Zulkifly Muda. 2018. *Penelitian Terhadap Pelaksanaan Kursus Pra Perkahwinan Islam Di Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018. eISBN 978-967-2231-03-5, 919-926.
- Norita Azmi & Salawati Basir. 2020. Ratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Kurang Upaya: Implikasi Dan Realiti Dari Dimensi Perundangan Dan Kesamarataan. *Jurnal Undang-undang Malaysia*. 32(2), 297-319.



- Norsaadah, Hasliza, Siti Zaleha, & Aqilah. 2017. *Kesedaran Sosial Terhadap Golongan Mahasiswa Kurang Upaya di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK) .26-27 April 2017. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*
- Norsaadah Bt Din, Hasliza Talib, Zaleha Ibrahim & Andayani Yusuf. 2019. *Hubungan Sosial Masyarakat terhadap Orang Kurang Upaya di Malaysia. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Vol 6 Bil, 279-291.*
- Nur Fadliana Che Di. 2015. *Interaksi Rasulullah s.a.w. bersama orang kelainan upaya (OKU): Kajian layanan terhadap mahasiswa kelainan upaya di Universiti Malaya. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Universiti Malaya.*
- Nurhayati Ghani, Maffuza Salleh & Tuan Nurhafiza. 2021. *Kepentingan Tajuk Perancangan Harta dalam Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam di Malaysia. Jurnal Dunia Pengurusan. Vol. 3, No. 2, 67-77.*
- Raihanah Abdullah, Mahamatayuding Samah & Husairi Hussin. 2017. *Keccatan Sebagai Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Universiti Malaya. 1-22.*
- Rafeah Saidon, Amal Hayati, Baterah Alias, Fadhilah Ismail & Suliah Aris. 2016. *Examining Weaknesses in the Governance of Premarital Course for Muslims in Malaysia. International Soft Science Conference. eISSN: 2357-1330, 355-361.*
- Syarifah Syukriah Tun Habib. 2003. *Kursus Pra Perkahwinan Islam: AnalisisMetode Dan Pelaksanaan Serta Keberkesanannya Dalam Pembentukan Institusi Kekeluargaan Islam Di Wilayah Persekutuan. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.*
- Siti Muhibah Hj Nor & Zetty Nurzuliana Rashed. 2018. *Peranan Dan Cabaran Guru-Guru Pendidikan Khas Membentuk Kemenjadian Murid-Murid Masalah Pendengaran Dalam Abad Ke 21. JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs. Vol. 1 (1) June 2018, no ISSN 2590-3799, 1-8.*
- Siti Muhibah Hj Nor & Zetty Nurzuliana Rashed. 2020. *Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Cabaran Perlaksanaannya. JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs. Vol. 4 (1), 19-27.*
- Siti Patonah Mohamad. 2014. *Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis Dari Sumber Tradisi Islam. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Bil. 8, 153-166.*
- Ummu Alias, Hamdi Ishak & Sabri Mohamad. 2019. *Kaedah-Kaedah Bacaan al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran. Jurnal al-Turath. Vol. 4, No. 2. 59-67.*



- Yusmini Md Yusoff & Azura Awang. 2019. Kepentingan Nilai-nilai Islam dalam Pembangunan Diri Orang Kelainan Upaya (OKU) Kategori Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*. 47 (Khas). 105-118.
- Yusri Chek & Sabri Mohamad. 2016. Sumbangan Darul Quran (Jakim) Terhadap Pengajian al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan. *Jurnal al-Turath*. Vol. 1, No. 2. 25-33.
- Zulazhar Tahir, Sridevi, Jal Zabdi & Saufi Rahman. 2020. Undang-Undang Berkenaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundangan Di Malaysia. *Journal of Social Administration*. 14, 96-114.
- Zuliza Mohd Kusrin & Nur Syaidatul Akmar Binti Sha'ari. 2020. Pelaksanaan Kursus Pra-Perkahwinan Islam Untuk Golongan OKU Pendengaran di Malaysia. *Journal Al-Irsyad*. Vol. 5, No. 1, 285-292.